

10/07/1999

Rakyat perlu berfikiran terbuka

CYBERJAYA, Jumaat - Rakyat perlu menghapuskan halangan budaya dan norma kemasyarakatan yang sebelum ini menjadi penghalang kepada pemikiran berinovasi dalam usaha mewujudkan masyarakat terpelajar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hanya selepas halangan itu diatasi, baru negara mampu membangunkan modal intelektual serta mencapai kelebihan kompetitif untuk bersaing pada alaf akan datang.

Berucap merasmikan Universiti Multimedia (MMU) di sini, hari ini, beliau menegaskan walaupun kerajaan tidak menjangkakan akan berlaku perubahan masyarakat secara mendadak, proses itu haruslah dipercepatkan.

"Dengan masyarakat kita membangun dan meningkat maju, corak pemikiran akan berubah menjadi lebih terbuka dan menerima inovasi. Bagaimanapun, inovasi semata-mata tidak mencukupi untuk membangun kelebihan kompetitif.

"Kita mesti mampu melahirkan individu yang boleh menggerakkan modal intelektual daripada peringkat konsep kepada pengetahuan asas, sehinggalah kepada pengeluaran produk dan perkhidmatan generasi baru," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie dan anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC).

MMU yang sebelum ini dikenali sebagai Universiti Telekom yang berpangkalan di Melaka, memulakan operasinya di sini bulan lalu dengan 600 pelajar dari empat fakulti. Menjelang 2003, 6,000 pelajar dijangka mendiami kampus universiti itu, yang juga salah satu komponen utama Cyberjaya.

Perdana Menteri berkata, penekanan berterusan kerajaan terhadap bidang pendidikan adalah berdasarkan kepercayaan bahawa cabaran jangka panjang utama terhadap tahap kompetitif, tidak terhad kepada peraturan kewangan sekarang atau pengurusan tukaran modal.

Sebaliknya, Dr Mahathir menegaskan penentu utama adalah kemampuan membangunkan perisian sosial seperti mutu pendidikan serta peningkatan sains dan teknologi.

"Dalam kedua-dua usaha itu, MSC akan memainkan peranan utama. Kita perlu menapis sepenuhnya potensi teknologi dan modal intelektual untuk mengekalkan pertumbuhan mapan.

"Untuk mencapai matlamat ini, kita mesti mengubah konsep pendidikan kita secara radikal. Proses ini sudah bermula di peringkat akar umbi dengan aplikasi Sekolah Pintar MSC.

"Kita kini perlu menggerakkan (inisiatif) itu untuk merangkumi pendidikan tinggi dengan MMU sebagai projek utama inisiatif terbabit," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menjelaskan pelaburan kerajaan dalam MMU adalah wajar kerana keperluan ke arah menggerakkan perubahan dalam sistem pendidikan negara, yang turut memberi faedah ekonomi.

"Bagaimanapun, jika kita mahu berjaya, MMU harus mencapai tahap kelas dunia berikutan persaingan yang hebat. Jika mahu terus di hadapan, MMU perlu memaksimumkan pengeluaran kepada pemegang sahamnya," katanya.

(END)